KEMENTERIAN TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI,
ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM
MINISTRY OF ENERGY, SCIENCE, TECHNOLOGY, ENVIRONMENT & CLIMATE CHANGE

MET Malaysia

JABATAN METEOROLOGI MALAYSIA

LAPORAN TAHUNAN
ANNUAL REPORT
2017

SIDANG REDAKSI

KANDUNGAN
CONTENT

PERUTUSAN KETUA PENGARAH
MESSAGE FROM DIRECTOR GENERAL

"Secanggih manapun sistem amaran awal yang dibangunkan, ia tidak berkesan tanpa program kesedaran awam dalam memastikan orang ramai lebih peka mengenai langkah-langkah awal yang perlu diambil apabila amaran dikeluarkan"

ALUI BIN BAHARI
Ketua Pengarah
Director General

Secara umumnya pada tahun 2017, negara mengalami keadaan cuaca dan iklim yang normal sepanjang tahun. Namun begitu terdapat kejadian cuaca ekstrem seperti kejadian ini sistem lekukan tropika yang membawa bersama kelompok awan hujan lebat serta angin kencang telah merentasi utara Semenanjung. Kejadian mengakibatkan bencana banjir teruk di negeri Kedah dan Pulau Pinang pada 4 dan 5 November 2017.

Semasa Monsun Timur Laut 2017/2018, lima episod hujan lebat telah berlaku pada November dan Disember 2017 yang melibatkan negeri-negeri di Pantai Timur Semenanjung, pedalaman Sarawak dan timur Sabah. Semasa Monsun Barat Daya, negara tidak menghadapi cuaca panas dan kering ekstrem yang lazimnya menyebabkan jerebu, kemarau dan gelombang haba yang teruk.

Tema sambutan Hari Meteorologi Sedunia 2017 adalah Fahami Awan. Sambutan yang diraikan secara tahunan, kali ini disambut bersama Karnival Sains4U Zon Utara pada 23 Mac di Dewan Bandaran Ipoh Perak.

MMD dengan kerjasama Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) telah mengadakan Forum Iklim Kebangsaan Monsun Timur Laut (FIKMTL) 2017/ 2018 dengan tema "Kesiapsiagaan Bersama" pada 28 September di UPSI. Forum ini menjadi platform penyaluran maklumat mengenai keadaan cuaca dan iklim, khususnya semasa Monsun Timur Laut.

Pada tahun ini, MMD telah berjaya menyiapkan empat projek pembangunan iaitu pemantapan aktiviti pemantauan gempa bumi dan tsunami, peningkatan sistem ramalan cuaca, perolehan dan penyediaan tapak bagi cadangan pembinaan stesen meteorologi radar doppler dan pemasangan peralatan wind dan runway visual range (WRVR) di Lapangan Terbang Sultan Azlan Shah, Selangor, Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra, Kelantan dan Lapangan Terbang Sultan Mahmud, Terengganu.

Generally, in 2017, the country experienced normal weather and climate conditions throughout the year. However, there were some extreme weather events recorded - among them the occurrence of a tropical depression that caused heavy rain as well as strong winds across the northern region of peninsular which resulted in severe floods in Kedah and Penang on 4th and 5th of November 2017.

During the 2017/2018 Northeast Monsoon, five heavy rain incidences occurred in November and December which also involved the East Coast region of Peninsular, interior areas of Sarawak and east of Sabah. The country did not encounter extreme hot and dry weather which usually cause haze, drought and severe heat waves during Southwest Monsoon.

The 2017 World Meteorological Day celebration theme was Understanding Cloud. The annually celebrated WMD programme was jointly held with the Science4U Carnival in Ipoh, Perak on 23rd of March 2017.

MMD in collaboration with University Pendidikan Sultan Idris (UPSI) organized the Northeast Monsoon National Forum (FIKMTL) 2017/2018 themed "*Kesiapsiagaan Bersama*" on 28th of September in UPSI. The forum is a platform in disseminating information on weather and climate conditions, especially on Northeast Monsoon.

This year also marked an achievement in development whereby MMD successfully completed four development projects. There are strengthening earthquake and tsunami monitoring activities in the states, enhancing the weather forecast system, construction of radar doppler meteorological station and the installation of wind and runway visual range (WRVR) equipment at the Sultan Azlan Shah Airport, Selangor, Sultan Ismail Petra Airport, Kelantan and Sultan Mahmud Airport, Terengganu.

Pelaksanaan projek-projek ini telah membantu meningkatkan model ramalan cuaca, pemantauan cuaca buruk, pengesanan gempa bumi dan pengeluaran amaran cuaca dan tsunami.

MMD juga telah melaksanakan sebanyak 23 kursus dalaman bagi meningkatkan kefahaman dan kemahiran kakitangan dalam bidang meteorologi dan pembangunan insan.

Dalam meningkatkan kompetensi dan kemahiran pegawai, MMD mengendalikan projek kerjasama di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Di peringkat kebangsaan, MMD telah mengadakan projek kerjasama dengan agensi dan institusi seperti SEADPRI-UKM, Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) dan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS). Manakala di peringkat antarabangsa, projek kerjasama diadakan dengan *Asia Pasific Network for Global Change Research* (APN), *University of Cambridge*, *UK Meteorology Office (UKMO)* dan University of Washington, Amerika Syarikat.

Secanggih manapun sistem amaran awal yang dibangunkan, ia tidak berkesan tanpa program kesedaran awam dalam memastikan orang ramai lebih peka mengenai langkah-langkah awal yang perlu diambil apabila amaran dikeluarkan. Oleh itu MMD telah melaksanakan dan menyertai 144 aktiviti pameran dan program kesedaran awam bagi meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap cuaca ekstrem, iklim, gempa bumi dan tsunami.

Akhir kata, syabas diucapkan kepada seluruh warga MMD yang telah berganding bahu dalam melaksanakan tugas dengan penuh dedikasi sepanjang tahun 2017.

These developments help improve the weather forecast models and minimize poor weather monitoring, earthquake detection and weather and tsunami warning alert.

The department has successfully conducted 23 internal courses to enhance the understanding and skills of its employees in the areas of meteorology and human development.

Besides that, MMD was also involved in collaboration projects both at national and international level to improve the skills and competencies of its officers. At the national level, MMD joined hands with SEADPRI-UKM, Selangor Water Management Authority (LUAS) and the Department of Irrigation and Drainage (DID). Whereas, at the international level, joint projects were conducted with Asia Pacific Network for Global Change Research (APN), the University of Cambridge, the UK Meteorology Office (UKMO) and the University of Washington, USA.

Regardless of how advanced our warning system may be, it is pointless without public awareness programme in ensuring that the public is aware of the measures that should be taken if a warning is issued. Hence, MMD took part in 144 exhibition and public awareness programmes aimed at creating public awareness on extreme weather, climate, earthquake and tsunami.

Finally, I would like to take this opportunity to congratulate the employees of MMD for dedicatedly carrying out their duties and responsibilities throughout the year.

ALUI BIN BAHARI
Ketua Pengarah Jabatan Meteorologi Malaysia
Director General of Malaysian Meteorological Department

PROFIL KORPORAT
CORPORATE PROFILE

VISI

Menjadi pusat meteorologi, iklim dan geofizik yang unggul menjelang tahun 2030

VISION

To be the best meteorological, climate and geophysical service centre by year 2030

MISI

Memenuhi keperluan negara dalam perkhidmatan meteorologi, iklim dan geofizik untuk kesejahteraan, keselamatan dan pembangunan lestari

MISSION

To fulfill the needs of the nation by providing meteorological, climatological and geophysical services for social well-being, safety and sustainable development

OBJEKTIF

1. Mempertingkatkan sistem perkhidmatan meteorologi, iklim dan geofizik untuk:
   - Keselamatan dan kecekapan operasi di udara, darat, laut dan ketenteraan;
   - Keselamatan negara (seperti pengurusan bencana alam, ancaman perubahan iklim, cuaca melampau, gempa bumi dan tsunami);
   - Keselamatan dan kesejahteraan orang awam; dan
   - Perancangan pembangunan sosio-ekonomi dan pengurusan alam sekitar.

2. Meningkatkan sistem pencerapan, mewujud dan mengawal selia pangkalan data meteorologi, iklim, seismologi dan tsunami Negara untuk memenuhi keperluan generasi kini dan akan datang.

3. Melindungi kepentingan Negara di peringkat antarabangsa serta mempromosikan kefahaman dan kemajuan sains meteorologi, iklim, seismologi dan tsunami dalam Negara.

OBJECTIVE

1. Enhance the meteorological, climatological and geophysical service system:
   - Safety and operational efficiency on air, land, sea and military;
   - Homeland security (such as disaster management and threats from climate change, extreme weather, earthquake and tsunami);
   - Public safety and well-being; and
   - Social economic development and environmental management planning.

2. Enhance the observation system, establish and regulate the meteorological climate, seismological and tsunami database of the country to meet the needs of the present and future generation.

3. Protecting national interest at the international level and to promote the understanding and advancement of science in meteorological, climatological, seismological and tsunami in the nations.

PIAGAM PELANGGAN

- Permohonan maklumat meteorologi, seismologi dan tsunami akan diberi maklumbalas dalam tempoh satu hari bekerja dan dibekalkan dalam tempoh lima hari bekerja.

- Maklumat cuaca untuk penerbangan disediakan dalam tempoh tiga jam sebelum pelepasan.

- Buletin Cuaca Bulanan akan diterbitkan dalam tempoh 10 hari bekerja pada setiap permulaan bulan berikutnya.

- Ringkasan Pencerapan Cuaca Tahunan akan diterbitkan pada Februari tahun berikutnya.

- Buletin Agrometeorologi 10 hari akan diterbitkan dalam tempoh lima hari bekerja selepas setiap dekad.

- Tinjauan dan Analisis Agroklimatik Bulanan akan diterbitkan pada minggu kedua bulan berikutnya.

- Imej radar dan satelit di laman web akan dikemaskini setiap 10 minit.

- Maklumat awal gempa bumi dan tsunami akan disebarkan kepada agensi-agensi berkaitan dan media massa dalam tempoh lapan minit daripada kejadian gempa bumi dikesan.

CLIENT CHARTER

- Request for meteorological, seismological and tsunami information will be responded within one working day and supplied within five working days.

- Weather information for flights will be ready three hours before departure.

- Monthly Weather Bulletin will be published within 10 working days in the beginning of the following month.

- Annual Weather Observation Summary will be published by February of the following year.

- 10-day Agrometeorological Bulletin will be published within five working days after each decade.

- Monthly Agroclimatic Review and Analysis will be published in the second week of the following month.

- Radar and satellite images on the website will be updated every 10 minutes.

- Preliminary earthquake and tsunami information will be disseminated to the relevant agencies and media within eight minutes upon the detection of earthquake.

CARTA ORGANISASI
ORGANISATION CHART

ALUI BAHARI
Ketua Pengarah
Director General

DR. WAN AZLI WAN HASSAN
Timbalan Ketua Pengarah
(Strategik & Teknikal)
Deputy Director General
(Strategic & Technical)

DR. MOHD ROSAIDI CHE ABAS
Timbalan Ketua Pengarah
(Operasi)
Deputy Director General
(Operation)

Bahagian Penyelidikan &
Pembangunan Teknikal
Research & Technical
Development Division

Pusat Meteorologi
Penerbangan Nasional
National Meteorological
Aviation Centre

Pusat Instrumentasi
Meteorologi & Sains
Atmosfera
Meteorological
Instrumentation &
Atmospheric Science
Centre

Pusat Operasi Cuaca &
Geofizik Nasional
National Weather &
Geophysic Operation
Centre

Pusat Iklim Nasional
National Climate Centre

Bahagian Khidmat
Pengurusan
Management Service
Division

Unit Integriti
Integrity Unit

Bahagian Teknikal Cuaca
& Geofizik
Technical Weather &
Geophysic Division

Bahagian Latihan
Teknikal
Technical Training
Division

Unit Komunikasi
Korporat
Corporate
Communication Unit

Bahagian Radar &
Satelit Meteorologi
Radar & Satellite
Meteorological Division

Bahagian Komunikasi
Meteorologi
Meteorological
Communication Division

Bahagian Perancangan
Strategik &
Antarabangsa
Strategic Planning &
International Division

Pejabat Meteorologi Negeri
State Meteorological Offices

Pejabat Meteorologi Sarawak
Sarawak Meteorological Office

Pejabat Meteorologi Sabah
Sabah Meteorological Office

Pejabat Meteorologi Pulau Pinang
Penang Meteorological Office

Pejabat Meteorologi Kelantan
Kelantan Meteorological Office

Pejabat Meteorologi Terengganu
Terengganu Meteorological Office

Pejabat Meteorologi Pahang
Pahang Meteorological Office

Pejabat Meteorologi Johor
Johor Meteorological Office

Pejabat Meteorologi Wilayah Persekutuan Labuan
Federal Territory of Labuan Meteorological Office

Pejabat Meteorologi Perak
Perak Meteorological Office

Pejabat Meteorologi Selangor
Selangor Meteorological Office

Pejabat Meteorologi Kedah
Kedah Meteorological Office

Pejabat Meteorologi Negeri Sembilan
Negeri Sembilan Meteorological Office

Pejabat Meteorologi Perlis
Perlis Meteorological Office

Pejabat Meteorologi Melaka
Melaka Meteorological Office

PENGURUSAN TERTINGGI
TOP MANAGEMENT

DR. WAN AZLI WAN HASSAN
Timbalan Ketua Pengarah
(Strategik & Teknikal)
Deputy Director General
(Strategic & Technical)

ALUI BAHARI
Ketua Pengarah
Director General

DR. MOHD ROSAIDI CHE ABAS
Timbalan Ketua Pengarah
(Operasi)
Deputy Director General
(Operation)

MMD
BERSAMA MOSTI

MMD
WITH MOSTI

MMD BERSAMA YB MENTERI MOSTI
MMD WITH YB MINISTER OF MOSTI

Sesi Penerangan YB Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi kepada media mengenai aplikasi myCuaca dan iDengue.

Briefing Session by YB Minister of Science, Technology and Innovation to the media on myCuaca and iDengue application.

Pada 7 Disember 2017, YB Menteri MOSTI Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau telah menghadiri sesi penerangan aplikasi myCuaca dan iDengue yang diadakan di Ibu Pejabat MMD.

On 7th December 2017, YB Minister of MOSTI attended a briefing session on myCuaca and iDengue application at MMD Headquarters.

Program ini bertujuan memberi penerangan mengenai aplikasi myCuaca dan iDengue supaya dapat digunakan oleh orang ramai dengan optimum. Sesi ini turut disertai oleh wakil media iaitu Radio Televisyen Malaysia (RTM), BERNAMA, The Star dan Utusan Malaysia.

The programme is aimed at promoting the myCuaca and iDengue app and optimize the use of the app. Among the members of the media who took part in this session are Radio Television Malaysia (RTM), BERNAMA, The Star and Utusan Malaysia.

MMD BERSAMA KSU MENTERI MOSTI
MMD WITH SECRETARY GENERAL OF MOSTI

Lawatan rasmi Ketua Setiausaha Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (KSU MOSTI) ke Pejabat Meteorologi Sarawak.

Pejabat Meteorologi Sarawak telah menerima lawatan daripada YBhg. Datuk Seri Dr. Mohd Azhar bin Haji Yahya, KSU MOSTI pada 9 Mei 2017.

Tujuh pegawai dari MOSTI turut menyertai lawatan tersebut. Pengarah Pejabat Meteorologi Sarawak, Encik Wong Teck Kiong telah menyambut dan menyampaikan taklimat kepada rombongan tersebut.

Secretary General, Ministry of Science, Technology (SG MOSTI) and Innovation official visit to Sarawak Meteorological Office.

Sarawak Meteorological Office welcomed YBhg. Datuk Seri Dr. Mohd Azhar bin Haji Yahya, SG MOSTI on 9th of May 2017.

Seven officers from MOSTI also joined the visit. Head of Sarawak Meteorological Office, Mr. Wong Teck Kiong welcomed and briefed the delegation.

Sesi Townhall Ketua Setiausaha, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (KSU MOSTI) bersama warga MMD di Ibu Pejabat.

Sesi townhall YBhg. Datuk Seri Dr. Mohd Azhar bin Haji Yahya, KSU MOSTI telah diadakan pada 21 September 2017.

Sesi tersebut dihadiri oleh 168 warga MMD yang terdiri dari gred 48 ke bawah. KSU MOSTI telah menyampaikan aspirasi beliau secara terus kepada warga MMD yang hadir.

Townhall Session with Secretary General, Ministry of Science, Technology and Innovation (SG MOSTI) with MMD employees at MMD Headquarters.

The townhall session with YBhg. Datuk Seri Dr. Mohd Azhar bin Haji Yahya, SG MOSTI was held on 21st September 2017.

The session was attended by 168 employees ranging from grade 48 and below. The Secretary General conveyed his aspirations directly to all the employees.

Program Kesedaran Awam mengenai Bencana Gempa Bumi dan Tsunami

YBhg. Datuk Seri Dr. Mohd Azhar bin Haji Yahya, KSU MOSTI telah merasmikan Program Kesedaran Awam Mengenai Bencana Gempa Bumi dan Tsunami bertempat di Dewan MBPP Teluk Bahang, Pulau Pinang pada 5 November 2017.

Program ini dianjurkan oleh MMD dengan kerjasama Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) sempena dengan sambutan World Tsunami Awareness Day (WTAD) yang disambut pada setiap 5 November sejak tahun 2015.

Earthquake and Tsunami Disaster Awareness Programme

YBhg. Datuk Seri Dr. Mohd Azhar bin Haji Yahya, SG MOSTI officiated the launching of Earthquake and Tsunami Disaster Awareness Programme at Dewan MBPP Teluk Bahang, Penang on 5th of November 2017.

The programme was jointly organised by MMD and National Disaster Management Agency (NADMA) in conjunction with the World Tsunami Awareness Day (WTAD), celebrated annually on 5th of November since 2015.

SOROTAN 2017

2017 OVERVIEW

KEMAJUAN KERJAYA

Pada tahun 2017, dalam memastikan kesinambungan fungsi-fungsi utama serta kemajuan kerjaya, MMD telah memproses 84 pemangkuan dan 49 kenaikan pangkat bagi kakitangannya. Sehingga 31 Disember 2017, pengisian warga kerja MMD adalah seramai 859 orang dari 1037 perjawatan. Peratus pengisian perjawatan adalah sebanyak 82.84%.

CAREER DEVELOPMENT

In 2017, to ensure the continuity of the core business and career development, MMD has processed the acting posts of 84 employees and promotion for 49 employees. As at 31st December 2017, MMD has a total number of 859 employees from 1037 posts. The percentage of filled in posts are 82.84%.

Bilangan anggota MMD sehingga 31 Disember 2017
Total number of MMD employees as at 31st December 2017

PROGRAM PEMENTORAN

MMD meneruskan Program Pementoran untuk memberi bimbingan, sokongan dan bantuan melalui penerapan elemen psikologi dan kaunseling kerjaya di kalangan kakitangannya.

Program ini bertujuan untuk meningkatkan pembangunan, kompetensi profesional, budaya, peribadi dan sosial bagi pegawai lantikan baru dan pegawai yang dinaikkan pangkat. Seramai 13 orang mentor dan 13 orang menti telah dilantik melalui program ini.

SISTEM MAKLUMAT PENGURUSAN SUMBER MANUSIA (HRMIS)

Pada tahun 2017, MMD telah berjaya mencapai 100% penggunaan Modul HRMIS yang melibatkan Data Perjawatan, Modul Pengurusan Prestasi, Pengurusan Rekod Peribadi dan Pengurusan Saraan Faedah dan Ganjaran Cuti.

MENTORING PROGRAM

MMD continues to implement its Mentoring Programme which provides guidance, support and assistance through elements of psychology and career counselling for its employees.

The programme is aimed at enhancing the development, competence, culture, personal and social ethics for the newly appointed and promoted officers. A total of 13 mentors and 13 mentees was appointed through this programme

HUMAN RESOURCE MANAGEMENT INFORMATION SYSTEM (HRMIS)

In 2017, MMD successfully achieved 100% usage for HRMIS that includes modules on Occupational Data, Performance Management, Personal Record Management and Remuneration, Benefit and Rewards.

PERUNTUKAN

BUDGET

Perbelanjaan mengurus MMD bagi tahun 2017 adalah RM78.09 juta, iaitu 94.24% berbanding peruntukan yang diluluskan iaitu RM82.87 juta.

Jumlah ini adalah satu pengurangan berbanding dengan tahun 2016 (96.87%) disebabkan oleh langkah penjimatan perbelanjaan yang diamalkan MMD selaras dengan hasrat kerajaan bagi mengoptimumkan perbelanjaan kerajaan.

The MMD's operating expenditure for 2017 was RM78.09 million, which was 94.24% compared to the approved allocations of RM82.87 million.

The reduction of expenditure compared to year 2016 (96.87%) was due to the saving measures practiced by the department in line with the government's intention to optimize government spending.

Prestasi Perbelanjaan Mengurus MMD
MMD's Operating Expenditure

Perbelanjaan pembangunan MMD bagi tahun 2017 adalah RM59.97 juta, iaitu 99.71% berbanding peruntukkan yang diluluskan iaitu RM60.14 juta. Jumlah ini adalah satu peningkatan berbanding dengan tahun 2016 (97.89%).

MMD's development expenditure for 2017 was RM59.97 million, which was 99.71% compared to the approved allocations of RM60.14 million. There is a hike in development expenditure with in comparison with year 2016 where the expenditure was 97.89%.

Prestasi Perbelanjaan Pembangunan MMD
MMD's Development Expenditure

PEMBANGUNAN MODAL INSAN

HUMAN CAPITAL DEVELOPMENT

Sepanjang tahun 2017, sebanyak 23 kursus dalaman telah dilaksanakan untuk meningkatkan kefahaman dan kemahiran dalam bidang berkaitan meteorologi dan pembangunan insan.

Throughout the year 2017, a total of 23 internal courses was held to enhance the understanding and skills in the areas of meteorology and human development.

Sejumlah 783 daripada 861 pegawai berjaya menghadiri tujuh atau lebih hari berkursus dengan Penunjuk Prestasi Utama sebanyak 91% peratus.

783 out of 861 employees have successfully attended seven or more days of courses with a Key Performance Indicator of 91% achievement.

Bilangan kakitangan yang mengikuti kursus
Total number of employees participated in training

Antara kursus yang dilaksanakan ialah Kursus Peralihan Pelantikan di bawah Urusan Skim Perkhidmatan bagi Pembantu Meteorologi Gred C17, C22 dan C26 kepada Penolong Pegawai Meteorologi Gred C29. Kursus selama enam bulan mulai 8 Disember 2016 sehingga 18 Jun 2017 melibatkan 392 orang Pembantu Meteorologi.

Among the courses implemented are Transition Courses under the Scheme of Service for Meteorological Assistants Grade C17, C22 and C26 to Assistant Meteorological Officers Grade C29. The six-month course was held from 8th December 2016 until 18th June 2017 involving 392 Meteorological Assistants.

Di samping itu sebanyak 17 program Skim Latihan Kepakaran Teknikal (LKT) telah dilaksanakan di bawah Program Pembangunan Modal Insan. Seramai tiga orang pegawai meteorologi telah melanjutkan pelajaran ke peringkat Sarjana.

Besides that, a total of 17 programmes on Technical Expertise Training Scheme (LKT) was completed under the Human Capital Development Program (HCD). Whereas, three meteorological officers pursued their education in Masters.

38 orang kakitangan meteorologi telah dinilai melalui Penilaian Kompetensi bagi Aeronautical Meteorological Personnel (AMP). Penilaian ini telah melibatkan 11 orang Pegawai Meteorologi dan 27 orang Penolong Pegawai Meteorologi.

MMD juga menawarkan latihan industri kepada para pelajar dan seramai 34 orang menjalani latihan industri di Ibu Pejabat MMD dan juga Pejabat Meteorologi Negeri.

A total of 38 employees have been assessed through the Competency Assessment for Aeronautical Meteorological Personnel (AMP). This assessment involved 11 meteorological officers and 27 Assistant Meteorological Officers.

MMD also offered industrial trainings for students where 34 students were offered industrial training placements in MMD Headquarters and State Meteorological Office.

AKTIVITI KESEDARAN AWAM

MMD telah mengadakan dan mengambil bahagian aktif dalam pameran dan aktiviti lain berkaitan bagi mendidik, memberi kefahaman, kesedaran dan meningkatkan kesiapsiagaan dalam kalangan orang awam terutamanya dari aspek kepentingan memahami maklumat dan data meteorologi. Sepanjang tahun 2017, sejumlah 144 aktiviti pameran dan kempen kesedaran awam telah dilaksanakan oleh MMD.

PUBLIC AWARENESS ACTIVITIES

MMD have organised and participated actively in exhibitions and other related activities to educate, create an understanding and awareness, improve preparedness among the people especially on the importance of understanding the meteorological information and data. Throughout the year 2017, a total of 144 exhibition activities and public awareness campaigns was conducted by MMD.

PENCAPAIAN KPI 2017

Petunjuk-petunjuk prestasi utama (KPI) yang diterapkan dalam perkhidmatan awam bertujuan membantu jabatan menjelas dan mengawal tahap kemajuan sesuatu proses perkhidmatan yang disampaikan kepada pelanggan selaras dengan misi dan visi jabatan dan kementerian.

KPI ACHIEVEMENT 2017

The key performance indicators (KPIs) applied in the public service ia aimed at assisting the department to control the progress of a service process delivered to the customer in line with the missions and visions of the department and ministry.

Purata kejituan ramalan cuaca awam
Public weather forecast average accuracy

Sehubungan dengan itu, Petunjuk Prestasi utama (KPI) MMD dipantau dengan teliti agar mematuhi semua kriteria yang telah ditetapkan di dalam Piagam Pelanggan Jabatan.

Tindakan pembetulan dan penambah baikan secara berterusan diambil bagi memastikan perkhidmatan yang disampaikan kepada pelanggan kekal relevan dan berkesan. Pencapaian Piagam Pelanggan MMD dipantau dan dimuatnaik ke dalam laman sesawang MMD secara mingguan.

Therefore, MMD's Key Performance Indicators (KPIs) are carefully monitored to comply with all the criteria set out in the Department's Client Charter.

Continuous correction and enhancement measures are taken to ensure that the services delivered to the customer remain relevant and effective. The MMD's Client Charter Achievement is monitored and uploaded into the MMD's website on a weekly basis.

Secara keseluruhan, pencapaian Petunjuk Prestasi Utama (KPI) MMD pada tahun 2017 adalah seperti berikut:

Overall, the achievement of MMD's Key Performance Indicator (KPI) in 2017 is as follows:

Purata kejituan ramalan cuaca awam bagi tempoh:

Public weather forecast accuracy for:

Pencapaian	Sasaran	
1 hari	88.9%	85.0%
3 hari	78.5%	75.0%
7 hari	63.7%	65.0%

Achieved	Target	
1 day	88.9%	85.0%
3 day	78.5%	75.0%
7 day	63.7%	65.0%

Purata kejituan ramalan cuaca lautan dalam tempoh:

Average accuracy of ocean weather forecast within:

Pencapaian	Sasaran	
1 hari	90.9%	85.0%
3 hari	80.7%	75.0%
7 hari	70.5%	65.0%

Achieved	Target	
1 hari	90.9%	85.0%
3 hari	80.7%	75.0%
7 hari	70.5%	65.0%

Purata penghantaran maklumat awal berkaitan gempa bumi dan tsunami tempatan dalam tempoh 8 minit dari masa kejadian gempa tersebut adalah

The average dissemination of early information on local earthquakes and tsunamis within 8 minutes from the beginning of the earthquake is 99.0%.

Contoh amaran angin kencang dan laut bergelora
Example of warning on strong winds and rough seas

PROJEK PEMBANGUNAN

Pada tahun 2017, empat projek pembangunan telah berjaya disiapkan. Antara projek tersebut ialah:

a) Pemantapan aktiviti pemantauan gempa bumi dan tsunami di negeri Sabah dengan peruntukkan berjumlah RM14 juta.

- Skop projek melibatkan perolehan 15 alat sensor *seismometer* dan meter intensity, perolehan perkakasan dan perisian serta pengubahsuaian ruang operasi Sub-Pusat Gempa Bumi dan Tsunami Nasional (Sub-PGTN); dan

- Operasi pemantauan dan pengesanan serta hebahan maklumat gempa bumi yang berlaku di Malaysia terutamanya di Sabah akan dapat ditingkatkan melalui projek ini.

DEVELOPMENT PROJECT

In 2017, four development projects have been successfully completed. The projects are:

a) Strengthening the earthquake and tsunami monitoring activities in Sabah with an allocation of RM14 million.

- The scope of this project involves an acquisition of 15 seismometer sensor tools and intensity meters, procurement of hardware and software and modification of the Earthquake and Tsunami National Sub-Centre (Sub-PGTN); and

- The monitoring and tracking operations and dissemination of earthquake information disclosure in Malaysia especially in Sabah will be enhanced through this project.

Stesen Seismologi (Seismology Station) Tamparuli
Lokasi (Location): Sekolah Menengah Kebangsaan Tamparuli

b) Peningkatan Sistem Ramalan Cuaca dengan peruntukkan berjumlah RM66.7 juta yang melibatkan:

- Pembangunan sistem komputer berkeupayaan tinggi bagi meningkatkan keupayaan Sistem *Numerical Weather Prediction* (NWP);

b) Enhancing the Weather Forecast System with an allocation of RM66.7 million that involves:

- Development of high-performance computing system to enhance the Numerical Weather Prediction (NWP) system;

- Pembangunan sistem pengurusan ramalan cuaca secara bersepadu yang merangkumi *Computer Message Switching System* (CMSS) dan *Malaysian Integrated Forecasting System* (MIFS);

- Development of an integrated weather forecast management system that includes the Computer Message Switching System (CMSS) and the Malaysian Integrated Forecasting System (MIFS);

- Pembangunan sistem pangkalan data meteorologi;

- Development of meteorological database system;

- Pembangunan sistem penyampaian cuaca yang merangkumi TV grafik, laman web dalaman (eCuaca), SMS, Aplikasi mobil, RakanMET dan Whatsapp;

- Development of weather presentation system including TV graphics, internal website (eCuaca), SMS, Mobile Applications, RakanMET and Whatsapp;

- *Support Forecasting System* serta sistem paparan dan kemasukan data di semua pejabat meteorologi;

- Kemudahan latihan di pusat kompetensi; dan

- Peningkatan dan penyediaan infrastruktur.

- Support Forecasting System along with the display and data entry system at all the meteorological offices;

- Training facility at competency centre; and

- Improving and providing infrastructure.

Pelaksanaan projek in dapat meningkatkan keupayaan pengumpulan data meteorologi, kecekapan proses analisis data dan ketepatan ramalan cuaca serta keberkesanan sistem penyediaan dan penyampaian maklumat cuaca.

The implementation of this project will enhance the capabilities of meteorological data collection, the efficiency of the data analysis process, the accuracy of weather forecast, the effectiveness of the system in preparing and presenting weather information.

c) Penyediaan tapak bagi cadangan pembinaan Stesen Meteorologi Radar Doppler di lokasi-lokasi berikut dengan peruntukkan sejumlah RM5 juta.

c) Site preparation for the proposed construction of Radar Doppler Meteorological Station at the following locations with an allocation of RM5 million:

- Marang , Terengganu
- Rompin, Pahang
- Kuala Gula, Perak
- Sibu, Sarawak
- Tawau, Sabah (tanpa kuarters)

- Marang, Terengganu
- Rompin, Pahang
- Kuala Gula, Perak
- Sibu, Sarawak
- Tawau, Sabah (without quarters)

Gambar Illustrasi Pembinaan Stesen Meteorologi Radar Doppler
Illustration of proposed construction of Radar Doppler Meteorological Station

d) Pemasangan *wind shear detection system* di tiga Lapangan Terbang di Malaysia iaitu Kuching, Kota Kinabalu dan Miri. Projek ini dapat meningkatkan tahap keselamatan dan kecekapan operasi penerbangan di lapangan terbang di Malaysia.

d) Installation of wind shear detection system at three airports in Malaysia namely Kuching, Kota Kinabalu and Miri. This project will enhance the safety and efficiency of flight operations at airports in Malaysia.

Komponen dan Peralatan Wind Shear
Wind Shear Components and Equipment

CUACA & IKLIM

WEATHER & CLIMATE

CUACA PADA 2017
WEATHER IN 2017

Anggaran suhu purata dunia bagi 2017 adalah 0.77 ± 0.1°C atas paras purata 1961 –1990. Manakala 2017 mempunyai suhu purata tahunan global dianggarkan sedikit panas daripada 2015, perbezaan antara kedua-dua tahun ini adalah kurang daripada 0.01°C. Oleh itu, Pertubuhan Meteorologi Sedunia (WMO) menganggap 2017 tiada perbezaan ketara daripada 0.76 ± 0.1°C tahun 2015, dan kedua-dua tahun ini terikat bagi kedudukan tahun kedua terpanas dalam rekod sejak tahun 1850. Tahun paling panas dalam rekod adalah tahun 2016 dengan anomali +0.88 ± 0.1°C. El Niño yang kuat telah menyumbang kepada keadaan cuaca panas pada 2015 dan 2016, namun keadaan cuaca panas 2017 berlaku tanpa kehadiran El Niño.

Suhu global telah meningkat lebih daripada 1°C semenjak tempoh pra-industri. Rekod sepuluh tahun paling panas telah berlaku antara 1998 sehingga kini. Semenjak tahun 1985, tiada lagi bacaan suhu purata global di bawah purata (1961-1990).

The world's average temperature estimation for 2017 was 0.77 ± 0.1°C above the average of 1961-1990. Whereas in 2017, the global annual temperature estimated to be slightly warmer than year 2015, the difference between these two years were less than 0.01°C. Therefore, the World Meteorological Organization (WMO) considered the weather in 2017 has no significant difference from 0.76 ± 0.1°C in year 2015, and both these years were tied for the second warmest position in the record since 1850. The warmest year in record was 2016 with the anomaly of +0.88 ± 0.1°C). El Niño has strongly contributed to the hot weather in 2015 and 2016, but the hot weather in 2017 took place without the presence of El Niño.

The global temperature has increased more than 1°C since the pre-industrial period. The warmest ten-year record has occurred between 1998 until today. Since 1985, there has been no average global temperature reading below the average (1961-1990).

Anomali purata suhu tahunan global (purata 1961-1990). Nilai 2017 adalah anggaran awal berdasarkan purata 12 bulan sehingga November. Garis hitam menunjukkan 'moving average' untuk 11 tahun
Annual global average temperature anomaly (average 1961-1990). The 2017 value is a preliminary estimate based on the average over the 12 months till end of November. The black line shows the "moving average" in 11 years

Secara global, tahun 2017 merupakan tahun yang panas dan suhu yang lebih tinggi daripada purata (tahun 1961 – 1990) direkodkan di hampir semua kawasan daratan di dunia. Antara rantau yang paling panas adalah selatan Eropah, sekitar Algeria, utara Afrika, bahagian timur dan selatan Afrika dan bahagian timur tengah Rusia.

Globally, year 2017 was a hot year and a higher temperature from the average (year 1961 - 1990) was recorded in nearly every major land area in the world and the warmest region was Southern Europe, around Algeria in Northern Africa, Eastern and Southern Africa and regions in middle to the far east of Russia.

ARCTIC SEA ICE EXTENT
During its growth season, the Arctic had its smallest annual maximum extent. During its melt season, the Arctic reached its eighth smallest minimum extent on record.

ALASKA
Barrow, AK had its warmest November on record, with a temperature departure from average of 9.1°C (16.4°F) above average.

CONTIGUOUS UNITED STATES
The 2017 national temperature was the third highest since 1895, behind 2012 and 2016.

HURRICANE HARVEY
(August 17th–September 1st, 2017)
Maximum winds ~ 215 km/hr
Harvey produced record precipitation totals in areas of Texas and Louisiana.

EASTERN NORTH PACIFIC HURRICANE SEASON
Near average activity
18 storms, 9 hurricanes

MEXICO
Mexico had its highest January-October temperature since records began in 1971, besting the previous record set in 2016.

CHILE & ARGENTINA
An intense heat wave affected parts of southern South America in January. Of note, the maximum temperature of 43.5°C (110.3°F) was recorded at Puerto Madryn on 27 January—this was the highest temperature ever recorded so far south (43°S) in the world.

ARGENTINA
The 2017 national temperature was the highest since records began in 1961, surpassing the previous record set in 2012.

CANADA
Severe precipitation deficits in 2017 in the province of British Columbia contributed to the development of the largest wildfire season (2.5 million acres of land affected) in the province's history

ATLANTIC HURRICANE SEASON
Above average activity
This was the most active season since 2005 and the 7th most active on record in the basin.
17 storms, 10 hurricanes

EUROPE
Europe, as a whole, experienced its fifth warmest year on record. Several countries had a top 8 year: Portugal (2nd), UK (5th), France (5th), Austria (8th), and Germany (8th).

PORTUGAL
Had its fourth driest year on record. The April-December period was the driest such period in the 87-year record.

HURRICANE IRMA
(August 30th–September 16th, 2017)
Maximum winds ~ 295 km/hr
Irma affected Puerto Rico, the U.S. Virgin Islands, and Florida.

HURRICANE MARIA
(September 16th–30th, 2017)
Maximum winds ~ 280 km/hr
Maria caused major destruction across the Caribbean Islands.

AFRICA
2017 was the fourth warmest year on record, behind 2010, 2016, and 2015.

ASIA
Much-warmer-than-average conditions were present across much of the continent. 2017 was the third warmest year since continental records began in 1910, behind 2015 and 2007. Russia and China had their warmest Jan–Sep since national records began. The Kingdom of Bahrain set a new monthly temperature record in April, July, August, and September.

CHINA
Heavy precipitation during June 29-July 2 triggered severe floods across parts of southern China, causing 56 fatalities and over 5 billion USD in damages.

WESTERN PACIFIC OCEAN TYPHOON SEASON
Near average activity
26 storms, 12 typhoons

THAILAND
Had its second wettest January-September on record.

BANGLADESH, INDIA & NEPAL
Torrential rain fell during Aug 9-12, with several locations receiving nearly their normal monthly precipitation totals in just a few days.

NORTH INDIAN OCEAN CYCLONE SEASON
Near average activity
4 storms, 2 cyclones

SOUTH WEST INDIAN OCEAN CYCLONE SEASON
Below average activity
5 storms, 3 cyclones

SOUTH WEST PACIFIC OCEAN CYCLONE SEASON
Below average activity
6 storms, 3 cyclones

AUSTRALIAN CYCLONE SEASON
Below average activity
7 storms, 3 cyclones

AUSTRALIA
Experienced its third warmest year since national records began in 1910. Seven of Australia's ten warmest years on record have occurred since 2005.

ANTARCTIC SEA ICE EXTENT
During its growth season, the Antarctic had its second smallest annual maximum extent. During its melt season, the Antarctic reached its smallest minimum extent on record.

Please Note: Material provided in this map was compiled from NOAA's NCEI State of the Climate Reports and the WMO Provisional Status of the Climate in 2017.
For more information please visit: http://www.ncdc.noaa.gov/sotc

Anomali iklim yang signifikan dan peristiwa-peristiwa global yang berlaku dalam tahun 2017
The significant climate anomalies and global events that occurred in 2017
Sumber (source): https://www.ncdc.noaa.gov

Iklim Malaysia yang dicirikan dengan tiga komponen utama iaitu corak tiupan angin, taburan hujan dan suhu.

Malaysia's climate is characterized by three main components namely wind pattern, rainfall and temperature.

Pada tahun 2017, iklim di Malaysia banyak dipengaruhi oleh keragaman iklim semula jadi kerana mengalami cuaca yang normal dan keadaan ENSO neutral. Keadaan ini adalah berbeza dengan iklim pada tahun 2016 di mana *Super El Niño* telah berlaku.

In 2017, the climate in Malaysia was greatly influenced by the natural climate variability due to the normal weather conditions and neutral ENSO. This condition was different from the climate in 2016 where Super El Niño has taken place.

Indeks ENSO adalah neutral bermula Januari 2017 sehingga penghujung November 2017. Keadaan La Niña lemah mula menyusuri bermula Disember 2017. Sepanjang 2017, Malaysia tidak mengalami cuaca panas dan kering yang berpanjangan. Fenomena jerebu, musim kemarau serta gelombang haba juga tidak berlaku.

ENSO index was neutral starting from January 2017 till the end of November 2017. A weak La Niña condition started in December 2017. Throughout 2017, Malaysia did not experience long-lasting hot and dry weather. The haze phenomenon, drought and heat wave also did not happen.

Berikut adalah tempoh musim yang dialami Malaysia pada tahun 2017.

Below are the periods of season experienced by Malaysia in 2017.

MUSIM/ SEASON	TEMPOH/ DURATION
Tempoh Peralihan Monsun **Monsoon Transitional Period**	April 2017 sehingga 16 Mei 2017 April 2017 to 16th May 2017
Monsun Barat Daya **Southwest Monsoon**	17 Mei 2017 sehingga 5 Oktober 2017 17th May 2017 to 5th October 2017
Tempoh Peralihan Monsun **Monsoon Transitional Period**	6 Oktober sehingga 12 November 2017 6th October to 12th November 2017
Monsun Timur Laut **Northeast Monsoon**	13 November sehingga 27 Mac 2018 13th November to 27th March 2018

Bagi tahun 2017, kebanyakan stesen merekodkan purata kelajuan angin yang seragam berbanding jangka panjang, namun bagi kawasan-kawasan di Sarawak dan Sabah yang banyak dipengaruhi oleh kedudukan bentuk muka bumi yang dikelilingi laut, purata kelajuan angin menunjukkan perbezaan berbanding jangka panjang.

In 2017, most of the stations recorded a consistent average wind speed compared to the long-term average; however, Sarawak and Sabah areas were highly influenced by their landform locations which are surrounded by sea and making the average wind speed difference compared to the long-term average.

Kelajuan angin tertinggi yang direkodkan bagi seluruh Malaysia adalah 7.1m/s di Kota Bharu pada 31 Disember 2017.

The highest wind speed recorded all over Malaysia was 7.1m/s in Kota Bharu on 31st December 2017.

Purata tahunan kelajuan angin permukaan 2017 berbanding normal (1981 – 2010)
The annual average of surface wind speed compared to the normal (1981 – 2010)

Secara umumnya bagi tahun 2017, Malaysia mengalami keadaan cuaca dan iklim yang normal sepanjang tahun dengan beberapa peristiwa ekstrem, seperti kehadiran lekukan tropika yang menyebabkan terdapat negeri menerima kesan yang agak teruk. Keadaan ENSO neutral pada 2017 juga antara faktor penyumbang kepada kurangnya kewujudan fenomena jerebu, kemarau serta gelombang haba.

Generally, throughout the year 2017, Malaysia has experienced normal weather and climate conditions with some extreme incidents, such as the presence of tropical depression which has caused some states to suffer quite severe effects. The neutral state of ENSO in 2017 was also a contributing factor to the lack of haze, drought and heat waves phenomenon.

Jumlah taburan hujan tahunan 2017
Total annual rainfall 2017

CUACA EKSTREM PADA 4 -5 NOVEMBER 2017

EXTREME WEATHER ON 4 -5 NOVEMBER 2017

Pada 26 Oktober 2017, satu kejadian lekukan tropika telah dikesan di Laut China Selatan. Trajektori taufan daripada *Joint Typhoon Warning Center (JTWC)* menunjukkan lekukan tropika ini bergerak merentasi selatan Thailand yang mengakibatkan Kelantan dan utara Terengganu menerima hujan berterusan.

On 26 October 2017, a tropical depression was detected in the South China Sea. The tropical trajectory from the Joint Typhoon Warning Center (JWTC) showed that this tropical depression was moving across southern Thailand resulting in the constant rain in Kelantan and northern Terengganu.

Sistem ini telah bergerak dan membuat pusingan U di utara Semenanjung sebelum kembali semula ke Teluk Thailand yang mengakibatkan bencana yang serius di Pulau Pinang dan Kedah. Kejadian hujan lebat berterusan serta angin kencang telah berlaku di negeri Kedah dan Pulau Pinang terutama di Bayan Baru, Bayan Lepas, Batu Feringghi, Balik Pulau dan Seberang Perai pada 4 dan 5 November 2017.

This system has moved and made a U-turn over northern Peninsular before returned to The Gulf of Thailand which resulted in serious disasters in Penang and Kedah. Continuous heavy rains and strong winds occurred in Kedah and Penang especially in Bayan Baru, Bayan Lepas, Batu Feringghi, Balik Pulau and Seberang Perai on 4[th] and 5[th] November 2017.

Trajektori Lekukan Tropika 29W
Tropical Depression 29W Trajectory

	Stn. Bayan Lepas	Stn. Butterworth	Stn. Alor Setar	Stn. Pulau Langkawi
Semasa (mm)	213.80	384.80	110.00	56.40
Purata Jangka Panjang (mm)	257.60	188.00	164.10	152.80
Rekod Tertinggi (mm)	288.20	350.00	178.80	267.30

Ringkasan jumlah hujan harian November 2017 untuk Pulau Pinang dan Kedah
Daily rainfall summary of November 2017 for Penang and Kedah

	Stn. Bayan Lepas	Stn. Butterworth	Stn. Alor Setar	Stn. Pulau Langkawi
Semasa (mm)	395.60	489.90	425.20	178.80
Purata Jangka Panjang (mm)	239.80	239.90	215.70	206.80
Rekod Tertinggi (mm)	516.90	605.10	457.10	394.50

Ringkasan jumlah hujan bulanan November 2017 bagi Pulau Pinang dan Kedah
Monthly accumulated rainfall of November 2017 for Penang and Kedah

Butterworth merekodkan jumlah hujan harian melebihi purata jangka panjang (188.0mm) dan rekod tertinggi (350.0mm) yang pernah dicatatkan iaitu 384.8mm. Stesen Meteorologi Bayan Lepas, Butterworth dan Alor Setar pula merekodkan jumlah hujan bulanan semasa melebihi purata jangka panjang stesen masing-masing.

Butterworth has recorded the daily rainfall exceeded the long-term average (188.0mm) and the highest rainfall (350.0mm) that has been recorded was 384.8mm. Bayan Lepas Meteorological Station, Butterworth and Alor Setar have recorded the monthly rainfall exceeded the long-term average for their stations.

MAKLUMAT IKLIM 2017/ CLIMATE INFORMATION 2017

Suhu/ Temperature	Data	Lokasi/ Location
Suhu tertinggi direkodkan Highest temperature recorded	37.6°C	Mulu, Sarawak (6 Ogos 2017)
Suhu terendah direkodkan (tanah rendah) Lowest temperature recorded (low land)	15.2°C	Keningau, Sabah (8 Februari 2017)
Suhu terendah direkodkan (tanah tinggi) Lowest temperature recorded (up land)	11°C	Tanah Rata, Pahang (10 Febuari 2017)
Hujan/ Rainfall		
Hujan tertinggi dalam sejam Highest rainfall in an hour	164.6 mm	Perai, Pulau Pinang (14 Ogos 2017)
Hujan tertinggi dalam sehari Highest rainfall in a day	416.8 mm	Gong Kedak, Terengganu (20 Januari 2017)
Hujan bulanan tertinggi Highest monthly rainfall	1340.8 mm	Gong Kedak, Terengganu (Januari 2017)
Hujan tahunan tertinggi Highest annual rainfall	6078.52 mm	Mulu, Sarawak
Hujan bulanan terendah Lowest monthly rainfall	7.8 mm	Chuping, Perlis (Februari 2017)
Hujan tahunan terendah Lowest annual rainfall	1311.28 mm	Sitiawan, Perak
Bilangan hari hujan tertinggi Highest total daily rainfall	278 hari/days	Cameron Highlands, Pahang
Bilangan hari tanpa hujan paling lama Longest total of days without rain	28 hari/days	Kerteh, Terengganu (15 Julai – 11 Ogos 2017)
Angin/ Wind		
Purata kelajuan angin harian tertinggi Highest daily average of wind speed	7.1m/s	Kota Bharu, Kelantan (31 Disember 2017)
Kelajuan angin maksimum tertinggi Highest maximum wind speed	16.1 m/s	Kuala Pilah, Negeri Sembilan (27 Januari 2017)
Kilat dan Ribut Petir/ Lightning and Thunderstorms		
Bilangan hari tertinggi dalam setahun yang ada kilat The highest number of days lightning in a year	341 hari/days	KLIA, Sepang
Bilangan hari tertinggi dalam setahun yang ada ribut petir The highest number of days of thunderstorm in a year	227 hari/days	KLIA, Sepang

LAPORAN DAN ANALISIS BULANAN
MONTHLY REPORT AND ANALYSIS

PUSAT AKTIVITI MONSUN KUALA LUMPUR

MMD merupakan salah sebuah agensi yang bertanggungjawab bagi Pusat Aktiviti Monsun di bawah World Meteorological Organization (WMO) untuk komuniti antarabangsa. MMD telah menerbitkan dua laporan monsun pada tahun 2017, iaitu Laporan Monsun Timur Laut dan Laporan Monsun Barat Daya.

Kedua-dua laporan ini menekankan keadaan sinoptik dan perkembangan cuaca semasa bulan-bulan pra-monsun yang mempengaruhi corak cuaca di Asia Tenggara. Ramalan hujan bermusim semasa bulan-bulan monsun bagi rantau ini juga turut disertakan. Laporan telah dimuatnaik ke laman web rasmi jabatan.

KUALA LUMPUR MONSOON ACTIVITY CENTER

MMD is one of the agencies responsible for Kuala Lumpur Monsoon Activity Center under the World Meteorological Organization (WMO) for international community. MMD has published two reports in 2017, titled Northeast Monsoon Report and Southwest Monsoon Report.

These reports emphasised on the synoptic situation and recent weather development prior to monsoons that influenced the weather pattern in Southeast Asia. Seasonal rainfall forecasts are also included in the reports. The reports are uploaded in the department's official website.

KLIMATOLOGI SINOPTIK

Bagi memantau dan menganalisis corak pergerakan angin di seluruh rantau Malaysia dan Asia Tenggara, Laporan Klimatologi Sinoptik diterbitkan setiap bulan.

Pada tahun 2017, MMD telah menerbitkan 12 laporan Klimatologi Sinoptik yang turut dimuatnaik ke laman web rasmi jabatan.

